

Ruj kami : AKKM:1/7/3 Jld.5 (68)

Tarikh : 16 April 2026

PERINGATAN

Kepada semua
Koperasi / Organisasi Pelanggan
Biro Perkhidmatan ANGKASA (BPA).

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

PEKELILING KOPERASI BILANGAN : 03/2026.

PEMATUHAN BERHUBUNG DENGAN PENGHANTARAN DOKUMEN PENYATA GAJI PALSU DAN YANG DIPINDA.

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

- Adalah dimaklumkan bahawa hasil semakan dan siasatan dalaman yang telah dijalankan, ANGKASA mendapati terdapat koperasi dan organisasi pelanggan BPA yang telah mengemukakan dokumen penyata gaji yang disyaki **palsu** bagi tujuan urusan berkaitan dengan Sistem Potongan Gaji ANGKASA (eSPGA).
- Penghantaran dokumen palsu, mengelirukan atau tidak sah merupakan satu pelanggaran serius terhadap prinsip tadbir urus, integriti dokumen serta ketidakpatuhan kepada peraturan, garis panduan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan. ANGKASA memandang perkara ini dengan amat serius dan tidak akan berkompromi terhadap sebarang bentuk ketidakpatuhan yang berpotensi menjejaskan integriti sistem, kepentingan anggota serta amalan tadbir urus yang baik.
- Sehubungan itu, semua koperasi dan organisasi pelanggan BPA diingatkan bahawa setiap dokumen yang dikemukakan kepada ANGKASA mestilah sah dan betul.
- Berkuatkuasa serta merta, sekiranya mana-mana koperasi atau organisasi pelanggan BPA yang masih didapati menggunakan dokumen penyata gaji palsu, ANGKASA berhak mengambil tindakan sewajarnya tanpa sebarang notis lanjut seperti:

- Pemberhentian potongan gaji kepada anggota peminjam yang terlibat.
- Penggantungan kod potongan gaji.



Semua koperasi dan organisasi pelanggan BPA adalah diminta untuk mengambil maklum perkara ini dan memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap semua peraturan serta garis panduan yang ditetapkan oleh pihak ANGKASA dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

“SADIK, AMANAH, TELUS”

Yang benar,

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, stylized circular loop followed by a vertical stroke and a small dot to the right.

HAMZAH BIN HAJI IBRAHIM
Pengurus Besar Kanan
Kumpulan Kewangan Korporat
ANGKASA

Fail:wma/pekeliling032026.